

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : TENGKU ZULPURI BIN RAJA PUJI
[RAUB]**

TARIKH : 30 NOVEMBER 2020 (ISNIN)

SOALAN

TENGKU ZULPURI BIN RAJA PUJI [RAUB] minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan seperti mana yang kita tahu, seorang ADUN di Melaka telah positif COVID-19, yang mana beliau telah mendakwa bahawa keputusannya negatif pada awalnya, namun setelah kembali ke pejabat dan berkhidmat, keputusan menunjukkan beliau positif COVID-19:

- a) apakah terdapat sebarang kesalahan teknikal di makmal Kementerian yang menyebabkan kecelaruan ini atau adakah ujian swab tersebut mempunyai kelemahan dalam mengesan COVID-19, jika ya, apakah tindakan Kementerian untuk menambah baik perkara tersebut; dan
- b) berapa peruntukan tambahan yang disalurkan oleh Kerajaan Pusat kepada hospital negeri, klinik, klinik desa dalam tahun ini 2020 utk menangani wabak COVID-19.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Insiden melibatkan seorang ADUN di Melaka ini telah tular melalui media sosial dan kenyataan media mengenainya telah dikeluarkan oleh Pengarah Jabatan Kesihatan Negeri Melaka pada 1 Oktober 2020.
2. ADUN berkenaan telah pulang dari Sabah pada 27 September 2020 dan telah menjalani ujian saringan di Pintu Masuk Antarabangsa serta mematuhi arahan kuarantin sebagaimana yang ditetapkan. ADUN terlibat telah dimaklumkan mengenai keputusan positif beliau pada 30 September 2020. Tindakan kawalan dan pencegahan telah diambil dengan serta-merta sebaik beliau disahkan positif termasuk pengesanan kontak dan disinfeksi serta beliau segera dirujuk untuk menerima rawatan di Hospital Melaka. Selain itu, beberapa kelemahan yang dikesan dari kejadian ini telah ditambahbaik khususnya melibatkan proses kerja yang berkaitan dengan prosedur pelepasan arahan kuarantin.

Tuan Yang di-Pertua,

3. Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) telah diluluskan peruntukan sebanyak **RM1 bilion** oleh Kementerian Kewangan bagi menangani wabak COVID-19. Sehingga **31 Oktober 2020**, KKM telah membelanjakan sebanyak **RM1.17 bilion yang turut termasuk peruntukan sedia ada Kementerian** bagi pembelian peralatan, bekalan perubatan, barang pakai habis (*consumables*), kelengkapan perlindungan diri (PPE), reagen dan *test kit* serta lain-lain perkhidmatan dalam usaha mengawal wabak COVID-19. Peruntukan tersebut digunakan untuk kesemua fasiliti KKM termasuk hospital, klinik kesihatan dan klinik pergigian.

4. Bagi menghargai jasa dan pengorbanan petugas barisan hadapan termasuk kakitangan perubatan yang terlibat secara langsung dalam pengurusan dan pembendungan wabak COVID-19, elaun khas yang diberikan sebanyak **RM400 sebulan** mulai Mac 2020 telah **ditingkatkan kepada RM600 sebulan** mulai April 2020 dan ia akan diteruskan

SOALAN NO : 25

sehingga ancaman pandemik ini berjaya diatasi. Sehingga **31 Oktober 2020**, KKM telah membelanjakan sebanyak **RM275 juta bagi tujuan bayaran Elaun Khas COVID-19** ini.

5. Sebagai tambahan, dalam pengumuman Belanjawan 2021 Kerajaan bersetuju untuk melaksanakan **pemberian one-off sebanyak RM500** bagi menghargai jasa anggota barisan hadapan KKM yang dijangka memanfaatkan 100,000 petugas kesihatan.

Sekian, terima kasih.